

# SENAMROBIK SERENTAK 1MURID 1SUKAN 1MALAYSIA 2012

## PANDUAN PELAKSANAAN

### 1. Tarikh dan masa

- 1.1 Tarikh : 10 Julai 2012 (Selasa)
- 1.2 Masa bermula senamrobik : 8.00 pagi

### 2. Tempoh Masa Senamrobik

- 2.1 Masa senamrobik adalah selama 35 minit.
- 2.2 Peserta seboleh-bolehnya hendaklah melakukan senamrobik mengikut rentak seperti yang disediakan dalam cakera padat.
- 2.3 Peserta disarankan untuk melakukan senamrobik sepenuhnya mengikut kemampuan masing-masing.
- 2.4 Peserta yang kurang berkemampuan adalah disarankan untuk melakukannya mengikut kemampuan masing-masing.

### 3. Penyertaan

- 3.1 Semua warga Sekolah / IPG / Matrikulasi yang diertikan sebagai berikut:
  - 3.1.1 murid / pelajar (termasuk murid / pelajar berkeperluan khas dan sekolah swasta);
  - 3.1.2 guru, anggota khidmat sokongan;
  - 3.1.3 ikon sukan; dan
  - 3.1.4 VVIP / VIP yang dijemput oleh sekolah, IPG dan Matrikulasi.
- 3.2 Ibu bapa murid/pelajar digalakkan untuk menyertai senamrobik tersebut.

## 4. Pelaksanaan

4.1 Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia hendaklah bermula tepat pada jam 8.00 pagi. Atur cara yang dicadangkan di bawah adalah **sebagai panduan sahaja**. Sekolah boleh menyesuaikan pengisian majlis mengikut perancangan sekolah. Atur cara yang dicadangkan adalah seperti berikut:

### 4.2 Cadangan Atur Cara

6.30-7.00 pagi	: Semua Peserta Melapor Diri
7.15 pagi	: Ketibaan Dif-Dif Jemputan
	: Ketibaan Tetamu Kehormat
7.30 Pagi	: Perhimpunan rasmi sekolah
	: Bacaan Doa
	: Bacaan Perutusan YAB Timbalan Perdana Menteri
	: Gimik Pelancaran (jika Ada)
8.00 pagi	: Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia bermula
10.00 pagi	: P & P bermula atau sebaik sahaja tamatnya sesi Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia

## 5. Tempat Senamrobik (keselamatan hendaklah diutamakan)

- 5.1 Padang sekolah / IPGM / Matrikulasi;
- 5.2 Kawasan lapang; atau
- 5.3 Tempat senamrobik yang sesuai dan selamat.

## 6. Pendaftaran

### 6.1 Pra Pendaftaran

- 6.1.1 Semua sekolah / IPGM / Matrikulasi mesti membuat pra pendaftaran dengan menjangka jumlah kehadiran murid/pelajar ke sekolah / IPGM / Matrikulasi pada 10 Julai 2012 (Selasa).

6.1.2 Sekolah hendaklah mendaftarkan jumlah pra pendaftaran murid / pelajar dengan menggunakan borang seperti (lampiran A) dan hantar melalui emel seperti senarai e-mel (lampiran B) mulai 15 Jun 2012 sehingga 29 Jun 2012.

## 7. Nombor dan Pakaian Peserta

- 7.1 Murid / pelajar **tidak perlu menggunakan** nombor peserta.
- 7.2 Murid/pelajar hendaklah memakai pakaian sukan sekolah masing-masing atau pakaian sukan yang sesuai untuk aktiviti senamrobik.

## 8. Pengesahan Jumlah dan Penyerahan Penyertaan

- 8.1 Pengarah IPGM / Matrikulasi / Pengetua / Guru Besar / Guru Kanan hendaklah mengesahkan jumlah sebenar penyertaan murid / pelajar dengan menurunkan cop rasmi dan tandatangan pada borang perakuan penyertaan murid / pelajar (**Lampiran C**) pada hari senamrobik (10 Julai 2012).
- 8.2 Catatkan **jumlah sebenar murid / pelajar yang mengambil bahagian** pada borang perakuan penyertaan (**Lampiran C**) dan sertakan salinan kehadiran murid / pelajar yang telah disahkan oleh Pengarah IPGM / Matrikulasi / Pengetua / Guru Besar / Guru Kanan.
- 8.3 Sekolah / IPGM / Matrikulasi hendaklah menghantar borang perakuan penyertaan (**Lampiran C**) yang telah disahkan dengan cara mengimbas (*scan*) semua borang kehadiran murid/pelajar dan di e-mel kepada Bahagian Sukan, KPM mulai 10 Julai 2012 iaitu selepas senamrobik dan hendaklah sampai ke Bahagian Sukan sebelum 17 Julai 2012. Senarai e-mel adalah seperti **Lampiran B**.
- 8.4 Sebarang pertanyaan dipohon menghubungi Pn. Yasmin Othman, seperti talian berikut :

Pejabat : 03 8884 1357

Talian bimbit : 012 474 9464

E-mel : yasmin.othman@moe.gov.my

## 9. Penyerahan Gambar

- 9.1 Sekolah / IPGM / Matrikulasi hendaklah mengambil gambar pegun (*still photos*) sebagai bukti pelaksanaan acara.
- 9.2 Gambar pegun hendaklah diatur mengikut kronologi acara:
- pendaftaran;
  - permulaan senamrobik
  - ketika senamrobik berlangsung;
  - aktiviti-aktiviti lain yang difikirkan sesuai.
- 9.3 Sekolah / IPGM / Matrikulasi hendaklah e-mel gambar pegun (maksima 5 keping sahaja) kepada Bahagian Sukan pada atau sebelum 17 Julai 2012 mengikut negeri masing-masing. Senarai e-mel adalah seperti **(Lampiran B)**.

## 10. Sijil Penyertaan dan Penghargaan (2markah )

- 10.1 Semua murid/pelajar akan diberi sijil penyertaan Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia .
- 10.2 Sekolah / IPGM / Matrikulasi boleh muat turun sijil melalui portal Bahagian Sukan, KPM [www.moe.gov.my/bsukan](http://www.moe.gov.my/bsukan) mulai 10 Julai 2012.
- 10.2 Setiap murid/pelajar yang menyertai aktiviti Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia layak diberi 2 markah BONUS.

## SENAMROBIK SERENTAK 1MURID 1SUKAN 1MALAYSIA

**BORANG PRA PENDAFTARAN***(JANGKAAN MURID/PELAJAR YANG AKAN HADIR PADA 10 JULAI 2012)*

JABATAN PELAJARAN NEGERI (JPN)	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PRA PENDAFTARAN
<i>CONTOH</i>	<i>CONTOH</i>	<i>CONTOH</i>
Perlis	SMK Arau	1010 murid

Nota;

Sekolah / IPGM / Matrikulasi hendaklah mendaftarkan jumlah pra pendaftaran murid / pelajar dengan menggunakan borang seperti **(Lampiran A)** dan hantar melalui emel seperti **(Lampiran B)** mulai 15 Jun 2012 sehingga 29 Jun 2012.

## SENAMROBIK SERENTAK 1MURID 1SUKAN 1MALAYSIA

## ALAMAT E-MEL

BIL	JABATAN PELAJARAN NEGERI (JPN)	ALAMAT E-MEL	PEGAWAI BERTUGAS
1	Perlis	perlis1m1s@gmail.com	Cik Nur Asimah Othman Tel: 03-8884 1327
2	Kedah	kedah1m1s@gmail.com	
3	P.Pinang	pp1m1s@gmail.com	
4	Perak	perak1m1s@gmail.com	
5	Selangor	selangor1m1s@gmail.com	Cik Elsie Pua Mei Ping Tel: 03-8884 1033
6	Kuala Lumpur	klumpur1m1s@gmail.com	
7	Putrajaya	putrajaya1m1s@gmail.com	
8	Negeri Sembilan	n91m1s@gmail.com	
9	Melaka	melaka1m1s@gmail.com	Cik Zuhainy Aqma Sadani Tel: 03-8884 1089
10	Johor	johor1m1s@gmail.com	
11	Pahang	pahang1m1s@gmail.com	
12	Terengganu	terengganu1m1s@gmail.com	
13	Kelantan	kelantan1m1s@gmail.com	Cik Norhikmah Tauhid Tel: 03-8884 1006
14	Sabah	sabah1m1s@gmail.com	
15	Sarawak	sarawak1m1s@gmail.com	
16	Labuan	labuan1m1s@gmail.com	
17	Sekretariat 1M 1S	sekretariat1m1s@gmail.com	

# PERAKUAN

## JUMLAH PENYERTAAN SEBENAR MURID

Saya mengesahkan bahawa \_\_\_\_\_ (bilangan) murid telah menyertai senamrobik "*Largest Simultaneous Participation Of School Students In An Aerobic Session*". ini pada 10 Julai 2012. Senamrobik ini diadakan di

sekolah / IPGM / Matrikulasi

sekitar sekolah/ IPGM / Matrikulasi

Tandatangan Pengarah/Pengetua/Guru Besar/Guru Kanan

\_\_\_\_\_  
( NAMA & JAWATAN )



Tarikh :

**\*\* Setiap sekolah// IPGM / Matrikulasi hanya perlu menghantar satu perakuan penyertaan yang menyatakan jumlah keseluruhan penyertaan.**

CARTA ALIRAN

SENAMROBIK SERENTAK 1MURID 1SUKAN 1MALAYSIA

